



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH**

**MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

**atrium menara seri wilayah
9.30 pagi**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI;
Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis;

[Salutasi]

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita semua berkumpul dalam Majlis Amanat Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi 2023 pada pagi ini. Terlebih dahulu, rasanya belum terlambat bagi saya untuk mengucapkan “Deepavali Valthukkal” kepada semua warga JWP dan Agensi yang menyambut perayaan pesta cahaya baru-baru ini.

2. Selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang diilhamkan berdasarkan **konsep kesediaan menerima perubahan** dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua warga JWP dan Agensi atas komitmen serta kesungguhan merealisasikan perancangan dan semua pelaksanaan kerja sepanjang tahun 2023.

PENJAWAT AWAM PEMANGKIN PERUBAHAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

3. Penjawat awam adalah **ejen perubahan yang efektif** dalam pembinaan negara. Bagi menentukan dasar holistik JWP dan Agensi, pegawai yang bertugas adalah mewakili jabatan, dan ***there is no wrong door to approach*** dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

4. Inisiatif dan dasar yang dilaksanakan oleh JWP dan Agensi hendaklah sampai ke golongan sasar yang dihasratkan. Kita semua perlu sentiasa cekap dan pantas dalam pelaksanaan serta mempunyai ***sense of urgency*** dalam menyelesaikan masalah atau urusan, seiring dengan semangat “Malaysia MADANI” yang inklusif demi memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat dan seterusnya memajukan negara.

PENCAPAIAN JWP DAN AGENSI BAGI TAHUN 2023

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun ini selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi warga Wilayah Persekutuan, antaranya;

- a. **inisiatif Lestari Niaga** yang diumumkan Perdana Menteri pada bulan Jun lalu telah berjaya menaik taraf sejumlah **33 pusat penjaja dan ruang gerai**, termasuk pembaharuan infrastruktur kemudahan asas dan fasiliti seperti tempat meletak kenderaan, surau, tandas dan kawasan ruang niaga yang lebih kemas, bersih dan cukup selesa demi keselesaan kepada pengunjung, sekaligus meningkatkan pendapatan penjaja dan peniaga kecil.

- b. usaha untuk **menoktahkan kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan** melalui pelbagai program, seperti Sesi Libat Urus telah dilaksanakan dengan penglibatan bersepadu pihak berkepentingan seperti MAIWP, JKM, ICU dan lain-lain, termasuklah pewujudan pasukan petugas khas (task force) yang memfokuskan pelbagai strategi ke arah sasaran tersebut;

- c. inisiatif mensejahterakan rakyat yang lain melalui **MyGrocer@Wilayah**, **MyJob@Wilayah** dan **MyMedic@Wilayah**, yang telah ditambah baik pelaksanaannya bagi membolehkan manfaat dapat diberikan secara lebih meluas kepada warga Wilayah Persekutuan.
- d. pelaksanaan **WAKEEL MyGrocer@Wilayah** merupakan penambahbaikan yang amat membantu golongan warga emas dan OKU dalam menyediakan penghantaran pembelian terus ke pintu rumah.
- e. inisiatif **SELERA@Wilayah** yang menjual makanan bernutrisi pada harga RM5.00 bagi setiap satu bekas makanan yang memberikan peluang perniagaan kepada sejumlah surirumah di PPR Sri Sabah dan Sri Kota untuk menjana pendapatan mereka sendiri.

Para hadirin sekalian,

6. Pembangunan Residensi MADANI Wilayah

Persekutuan yang memberi fokus pemilikan rumah sendiri kepada kelompok masyarakat dari kumpulan rentan, miskin, B40 dan M40 untuk terangkum dalam kejiranan yang sama. Usaha ini membantu meningkatkan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*), berdaya huni, selesa, selamat dan mampu dimiliki. Untuk membolehkan masyarakat mempunyai kehidupan yang sejahtera, pembangunan mampan yang dirancang perlu menitik beratkan komponen kediaman yang kondusif dan inklusif.

7. Dalam memperkasakan pembangunan strategik

Wilayah Persekutuan Labuan, JWP dan Perbadanan Labuan perlu menyusun strategi-strategi bagi menarik lebih ramai pelabur ke Labuan

menerusi penyediaan pelan perancangan strategik pelaburan yang komprehensif. Untuk menjadikan Labuan lebih *vibrant*, barisan penjawat awam hendaklah sentiasa bekerja dengan penuh kesungguhan demi kemajuan Labuan dan membangunkan sosio ekonomi warga tempatan. Ini termasuklah penubuhan Task Force Pelaburan Labuan sebagai kumpulan pemikir bagi menarik pelabur asing termasuk memperkasakan peranan Unit Pelaburan Perbadanan Labuan untuk memacu pembangunan ekonomi Labuan.

50 TAHUN PENUBUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

8. Tahun 2024, Wilayah Persekutuan akan mencapai 50 tahun penubuhannya. Pelbagai program telah diatur bertujuan untuk mengukuhkan rasa sayang

dan ***sense of belonging*** kepada Wilayah Persekutuan dengan lebih mendalam. Melalui inisiatif ini, seharusnya dapat mencapai matlamat utama dalam menyemarakkan lagi rasa kecintaan terhadap Wilayah Persekutuan. Sebagai warga Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, kita perlulah menjadi contoh dalam menjayakan aspirasi ini selari dengan agenda Malaysia MADANI.

9. Kemajuan dan kemakmuran Wilayah Persekutuan sepatutnya menjadi contoh kepada negeri-negeri di Malaysia. Kehidupan rakyat yang sejahtera dan harmoni adalah hasil usaha semua pihak yang menyumbang kepada komuniti Malaysia Madani. Ini tercapai menerusi masyarakat yang

mampu berdaya saing, berani melakukan pembaharuan dan pengupayaan modal insan, berjaya memantapkan kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar serta berupaya memiliki kekuatan moral dan belas ihsan.

BUKU GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN JWP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Buku Garis Panduan Pengurusan Kewangan JWP dihasilkan berasaskan Pekeliling Perbendaharaan, Garis Panduan Surat Arahan dan peraturan kewangan Kerajaan Persekutuan semasa yang berkuat kuasa sebagai **panduan yang lebih ringkas terhadap tatacara kewangan sedia ada**. Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan percanggahan maklumat antara pegawai serta dapat meningkatkan kepatuhan terhadap peraturan

kewangan. Buku ini memberi panduan dalam menyediakan tatacara dan proses kerja merangkumi Pengurusan Belanjawan Mengurus, Pengurusan Belanjawan Pembangunan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Bayaran; dan Pengurusan Aset & Stor dalam format yang lebih ringkas.

11. Buku Garis Panduan ini boleh diakses melalui portal JWP dan saya berharap ianya dijadikan sumber rujukan utama dalam mempertingkatkan kecekapan urus tadbir kewangan yang seterusnya dapat mengekalkan kecemerlangan pengurusan kewangan JWP. Saya juga dimaklumkan pembangunan sistem MyVot dilaksanakan bagi membolehkan setiap bahagian merekodkan transaksi dan memantau prestasi perbelanjaan melibatkan peruntukan masing-masing dengan lebih sistematik.

PENUTUP

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin meminta semua warga JWP dan Agensi untuk sentiasa peka dan mengambil tahu inisiatif-inisiatif dan program yang kita laksanakan demi kesejahteraan rakyat. Semua maklumat mengenai apa yang kita laksanakan untuk rakyat perlu dihebahkan kepada orang ramai melalui medium media sosial rasmi JWP dan Agensi supaya diketahui ramai. Oleh itu, **marilah kita semua “support” menerusi Like, Follow dan Share** maklumat-maklumat yang dikeluarkan di platform rasmi JWP dan Agensi. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir menjayakan sesi amanat pada pagi ini.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Kewangan JWP dan Sistem MyVot.

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima
kasih.**